

Kiraan Denggi  
Jan - 05 April

Jangkitan **14,030**

Kematian **25**

Pertambahan kes  
dari 29 Mac: **624**

Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS)  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-13 2014

muka 2-7



17 - 23 JUN 2014

Jalan Yong Shook Lin,  
Pusat Bandar Seksyen 52,  
Petaling Jaya, Selangor

www.mbpj.gov.my | 03-7956 3544

OLEH AFEEQA AFEERA

Peringatan DYMM Sultan kepada wakil rakyat

## Jangan berbalah, laksanakan tugas kepada rakyat

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan semua wakil rakyat supaya tidak berbalah dalam perkara tidak berfaedah, sebaliknya menjalankan tugas dengan berhemat untuk kesejahteraan rakyat.

Tuanku menitahkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) memastikan perbincangan mesyuarat Dewan Negeri Selangor (DNS) dilancarkan secara berhikmah, serta berjalan dengan teratur, dan menampilkan tatasusila yang baik sebagai wakil rakyat.

“Di sini Beta berharap kestabilan pentadbiran dalam Kerajaan sekarang dapat memberi tumpuan pada kebajikan rakyat negeri ini yang berjumlah lebih 5.5 juta orang,” titah Baginda di Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kedua Sidang DNS yang ke-13

Di sini Beta berharap kestabilan pentadbiran dalam Kerajaan sekarang dapat memberi tumpuan pada kebajikan rakyat negeri ini yang berjumlah lebih 5.5 juta orang

**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**  
DYMM Sultan Selangor

untuk tahun 2014.

Tuanku turut menasihati semua pihak termasuk penjawat awam, pimpinan masyarakat dan belia, serta sektor korporat dan swasta supaya bekerja bersama Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan negeri.

“Pada hemat Beta adalah tidak wajar sekiranya terdapat mana-mana wakil rakyat ataupun kakitangan awam cuba merosakkan perjalanan pentadbiran kerajaan Selangor,” titah Baginda.

Di awal ucapannya, Tuanku mengingatkan bahawa perkembangan semasa pentadbiran negeri Selangor tidak terlepas dari pengetahuan Baginda.

“Beta sebagai Sultan dan Pemerintah negeri ini sejak 22 November 2001 berhak memberi pandangan dan nasihat kepada Dato’ Menteri Besar pada bila-bila masa atau semasa Memanda Dato’ Menteri Besar menghadap Beta setiap minggu bagi mempersembahkan ehwal negeri dan rakyat Selangor,” titah Sultan Sharafuddin.



TAHNIAH... DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bersalaman dengan Adun Kajang yang baru, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pada Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Sidang DNS ke-13

Gambar oleh: Remy Ariffin

## Tropicana: MB alu-alukan Noh Omar lapor SPRM

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengalu-alukan Ketua Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) berhubung isu penjualan tanah kepada Tropicana.

“Saya mengalu-alukan jika Datuk Seri Noh Omar ingin membuat laporan kepada pihak SPRM dalam isu penjualan ta-

nah kepada Tropicana,” tulis Abdul Khalid di laman sosial Facebook miliknya.

Pada April 2013, Kerajaan Negeri melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) menjual 474.3 hektar (1,172

ekar) tanah paya kepada Tropicana dan syarikat itu kemudian menjual satu perempat daripada jumlah tanah terbabit kepada Eco World Development Group Berhad pada nilai lebih tinggi.

15 syarikat terkemuka membuat bidaan untuk tanah berkenaan namun berjaya dijual kepada Tropicana (dulu dikenali sebagai Dijaya) yang membuat bidaan paling tinggi bernilai RM 1.29 bilion.





LAPORAN OLEH

NAZLI IBRAHIM, AFEEQA AFEERA,  
NORHAYATI UMOR, LIZAWATI MADFA

FOTO OLEH

REMY ARIFFIN, ASRI SAPPFIE  
& SHUAIB AYOB

**PEMBENTANGAN** belanjawan berimbang selama enam tahun berturut-turut, serta daya tahan kewangan yang baik kerana rizab tunai yang kukuh mendapat pujian DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Tuanku dalam titah ucapan Majlis Pembukaan Dewan Negeri Selangor (DNS) mengingatkan Kerajaan Negeri supaya mengakar urus tadbir dan perbelanjaan kewangan yang terancang dan berhemat, berintegriti serta menerapkan konsep 'value for money'.

"Kelebihan belanja berhemah yang diamalkan secara menyeluruh ini, membolehkan Kerajaan Beta membentangkan belanjawan berimbang selama enam tahun berturut-turut bahkan tidak perlu meminjam daripada Kerajaan Pusat untuk menampung perbelanjaan mentadbir urus Negeri Selangor," titah Baginda.

Seiring dengan itu, Tuanku menitahkan ketua-ketua jabatan dan agensi serta seluruh kakitangan kerajaan negeri dan yang berkaitan supaya membudaya-



## DYMM Sultan puji belanjawan berimbang, rizab tinggi

kan semangat kerja profesional.

"Beta menyeru kepada semua penjawat awam supaya bersama menerapkan amalan sikap berbelanja secara berhemah. Semua pekerja dalam sektor awam mahupun dalam sektor swasta perlu sentiasa menunjukkan sikap rajin bekerja untuk menepati indeks prestasi (KPI) yang ditetapkan bagi faedah diri, organisasi dan negeri seluruhnya," titah Baginda.

Tuanku turut sukacita dengan penubuhan jawatankuasa khas memantau perbelanjaan jabatan atau agensi Kerajaan Negeri supaya mematuhi tatacara penggunaan dan perbelanjaan dana.

"Usaha ini jelas membuktikan Kerajaan Beta sekarang bersungguh-sungguh melaksanakan prinsip telus dan berhemah," titah Baginda.

Perbelanjaan keseluru-

han negeri Selangor bagi tahun ini dianggarkan RM2.28 bilion, di mana 53.7 peratus (RM1.225 juta) adalah perbelanjaan mengurus, manakala 46.3 peratus lagi (RM1.025 juta) untuk pembangunan. Sebanyak RM430 juta perbelanjaan pembangunan berasal daripada rizab negeri, yang dijangka akan bertambah kepada RM494.19 juta.

“

**Beta sukacita dengan penubuhan jawatankuasa khas memantau perbelanjaan jabatan atau agensi Kerajaan Negeri supaya mematuhi tatacara penggunaan dan perbelanjaan dana. Usaha ini jelas membuktikan Kerajaan Beta sekarang bersungguh-sungguh melaksanakan prinsip telus dan berhemah**

**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH**  
DYMM Sultan Selangor

## Agenda MES dapat sokongan penuh

**USAHA** gigih Kerajaan Negeri membantu dan meningkatkan taraf hidup rakyat melalui program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) mendapat sokongan penuh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Antara yang mendapat perhatian adalah program latihan kemahiran anak-anak desa lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tuanku juga amat sukacita dengan program bantuan usahawan tanpa faedah khususnya buat ibu tunggal, belia dan Orang Asal menerusi Skim Kre-dit Selangor

(SkimSel) dan Skim Miskin Bandar (MiMBAR).

"Kerajaan Negeri terus berusaha gigih membantu rakyat beta menghadapi keperitan hidup disebabkan harga barang dan perkhidmatan yang terus meningkat.

"Beta mendapat laporan bahawa kesemua 17 program dan skim bantuan kepada rakyat Beta yang berpendapatan rendah dan sederhana, yang dilaksanakan secara berperingkat sejak Jun 2008 terbukti telah berjaya memenuhi matlamatnya," titah Tuanku.

Program latihan kemahiran itu adalah antara strategi pemerkasaan desa yang penting. Di peringkat permulaan program pemerkasaan desa itu, lima belia di setiap kampung akan dipilih untuk menjalani kursus Elektrik, Sistem Penghawa Dingin dan Perbidanan.

Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan syarikat antarabangsa, SR Technics, merancang untuk menawarkan program latihan baik pulih komponen kapal terbang.

Sementara itu, Exco Kebajikan Rodziah Ismail memak-

lumkan 23 peratus penerima pembiayaan MiMBAR berjaya dinaiktaraf daripada penerima kebajikan kepada penjana pendapatan. Selain itu, 3,480 orang penerima daripada 5,767 orang kini dalam program pembayaran semula pinjaman.

"Daripada peratusan ini, seramai 811 orang telahpun meningkatkan pendapatan mereka.

"Kalau dahulu pendapatan sekitar RM700 tapi sekarang mencecah RM3,000 hingga RM5,000 pendapatan bersih," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS).



# Kakitangan Selangor perlu responsif pada ekonomi global

**PARA** Adun, ketua-ketua jabatan, semua penjawat awam dan sektor swasta perlu peka dan lebih responsif pada ren-takekonomi global supaya Selangor mampu menyesuaikan dasar dan strategi berkesan dalam menerima arus kesejagatan dan kesalinghubungan.

TuanKu menggesa inisiatif baru dikemukakan bagi memacu momentum ekonomi negeri Selangor yang dijangka tidak banyak berubah dari tahun lepas. Kerajaan Negeri diminta mengambil kesempatan dari pertumbuhan ekonomi sejagat yang dijangka bergerak lebih pantas tahun ini, iaitu pada kadar 3.7 peratus, berbanding tren sederhana 3.0 peratus sahaja tahun lalu.

“Beta menitahkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh penjawat awam dan sektor swasta juga supaya mengikuti perkembangan ekonomi dunia kerana ia mempengaruhi



kedudukan ekonomi negeri Selangor khususnya.

“Hal ini disokong oleh pengukuhan ekonomi berterusan di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat, 1.7 peratus. Tanda-tanda pemulihan ekonomi juga kelihatan wujud di negara-negara Kesatuan Eropah sebanyak 1.0 peratus yang dijangka banyak membantu memperteguh pertumbuhan ekonomi negara membangun secara keseluruhan,” titah Baginda.

Tahun ini pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Selangor diunjurkan berkembang 6.1 peratus berbanding Malaysia 4.5 peratus



hingga 5.5 peratus.

Sektor perkhidmatan menyumbang 56.4 peratus kepada KDNK Selangor. Ekonomi negeri turut digerakkan sektor pembuatan (37.4 peratus), sektor pembinaan (4.5 peratus), sektor pertanian (1.6 peratus) dan perlombongan (0.1 peratus).

“Secara keseluruhannya, pembangunan ekonomi Negeri Selangor memberangsangkan terutamanya menerusi sektor perkhidmatan.

“Beta gembira kerana Negeri Selangor kekal sebagai penyumbang utama terhadap KDNK Malaysia, iaitu sebanyak 23.5

peratus,” titah Baginda.

TuanKu turut melahirkan sukacita pelaburan ke negeri Selangor sepanjang tahun 2013 meningkat kepada RM9.8 bilion. Bilangan projek 228 di Selangor turut memberangsangkan, manakala 200,000 peluang pekerjaan tersedia di

## Wan Azizah angkat sumpah Adun Kajang

**DATUK** Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang di hadapan Speaker, Hannah Yeoh pada persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-13, pada 7 April lepas.

Majlis mengangkat sumpah yang berlangsung tepat pukul 10 pagi di Bangunan DNS itu disaksikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Mohammed Khusrin Munawi, ahli Exco Negeri dan wakil rakyat Pakatan Rakyat (PR) serta Barisan Nasional (BN).

Pada 23 Mac lalu, Wan Azizah yang juga Presiden PKR memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang menewaskan calon BN, Datin Paduka Chew Mei Fun.

PRK Kajang diadakan selepas Adun Kajang, Lee Chin Cheh dari PKR meletakkan jawatan 27 Januari lepas.



### Keputusan PRK Kajang 2014

Dr Wan Azizah Wan Ismail	16,741 undi
Chew Mei Fun	11,362 undi
<b>Majoriti</b>	<b>5,379 undi</b>

## Isu air, DYMM Sultan puji langkah proaktif

**SHAH ALAM** - Komitmen tinggi dan langkah proaktif diambil Kerajaan Negeri menangani isu bekalan air di Selangor mendapat pujian DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

TuanKu merestui usaha Kerajaan Negeri menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Pusat bagi mengambil alih empat syarikat konsesi air.

“Usaha ini menguntungkan rakyat Selangor yang bukan sahaja akan terus mendapat air percuma 20 meter padu setiap bulan.

“Malah, MoU ini akan memastikan mendapat bekalan air yang berterusan dengan kadar tarif yang munasabah,” titah Baginda.

Selain itu, TuanKu turut mengalu-alukan inisiatif Kerajaan Negeri meneroka satu projek baru bagi menambah sumber air di negeri Selangor melalui pro-

gram *Hybrid Off River Augmentation System (Horas 600)*.

“Beta difahamkan apabila selesai keseluruhan projek HORAS ini, Selangor bakal menikmati bekalan air mentah sebanyak 3,000 hingga 5,000 juta liter sehari.

“Justeru, negeri Beta bakal berdiri teguh kerana air merupakan isu sejagat lantas membuat persiapan bagi memastikan keperluan air terjamin sehingga lima ke enam dekad akan datang,” titah Baginda.

Baru-baru, satu majlis pecah tanah projek Horas disempurnakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di Kampung Sungai Darah, Bestari Jaya Kuala Selangor.

Projek perintis di Malaysia ini menelan kos RM405 juta dan akan dibiayai sebahagiannya daripada hasil keuntungannya daripada hasil keuntungan penjualan pasir di tapak projek berkenaan.



## DYMM Sultan: Kekalkan kemajuan, elak berbalah

Pada Majlis Pembukaan Mesyuarat



Selangorkini  
EDITORIAL

Pertama Penggal Kedua Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) kali ke-13 bagi 2014, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu kemajuan negeri ini dikekalkan.

Baginda menekankan amalan perbelanjaan berintegriti dan berhemah seperti yang dilakukan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sejak enam tahun lalu, dengan membenteng belanjawan berimbang.

Berbeza kebanyakan negeri lain, keupayaan itu membolehkan Selangor tidak perlu meminjam dari Kerajaan Pusat untuk perbelanjaan mengurus.

Apatah lagi, nilai pelaburan pada 2013 terus meningkat, iaitu RM 9.8 bilion. Malah, bilangan 228 projek yang diluluskan pula menyediakan lebih 200,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor.

Untuk mengekalkan prestasi itu, Baginda mahu wakil rakyat menggunakan DNS bagi memberi cadangan bernas supaya rakyat terus menikmati pelbagai kebajikan.

Baginda juga berpesan supaya mereka tidak berbalah mengenai perkara tidak berfaedah yang boleh menjejaskan perkembangan negeri.

Penjawat awam, pemin-

an masyarakat dan belia serta sektor korporat dan swasta juga diminta bekerja bersama Abdul Khalid bagi meneruskan kecemerlangan.

Titah itu memperlihatkan kejayaan Abdul Khalid dan pasukannya sekalipun desas-desus penukaran teraju masih kedengaran.

Nyata, ia tidak seiring dengan cakap-cakap politik yang terbelenggu dengan isu penukaran menteri besar, apatah lagi DNS kali ini turut disertai Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Benar, berbekal pengalaman sebagai Ahli Parlimen, tentunya Dr Wan Azizah mampu menggalas amanah sebagai Adun Kajang. Dan beliau membuktikan hal itu pada hari pertama lagi.

Pengetahuannya, hujahannya, bidasan terhadap pembangkang negeri, mendapat tepukan wakil rakyat sekalipun dalam nada yang lemah lembut dan sarat sopan.

Namun, pujian Sultan Sharafuddin harus dimengerti. Apabila Baginda mahu kemajuan dikekalkan, Baginda juga mungkin bermaksud teraju pentadbiran negeri tidak perlu ditukar.

*Ketua Pengarang*

# DYMM Sultan mahu projek Rumah Mampu Milik diteruskan



**USAHA** Kerajaan Negeri menyediakan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana mendapat perhatian DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang mahu program sedemikian diteruskan.

Awal tahun ini, Kerajaan Negeri melancarkan program Rumah Selangorku di bawah kelolaan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Pernerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI). Sebanyak 2,400 unit rumah akan dibina secara pasang siap dalam projek perintis di Hulu Klang.

“Beta difahamkan ini adalah hasil perancangan dan kerjasama di antara Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Menteri Besar Incorporated (MBI) di atas tanah berkeluasan 68.24 ekar,” titah Baginda.

Pembinaan rumah mampu



milik turut digerakkan melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Selain itu, Kerajaan Negeri menjalin kerjasama dengan pemaju swasta, antaranya Sime Darby, dan menawarkan insentif pengurangan caj pembangunan khas bagi mereka yang terlibat dalam kerjasama itu.

Kerajaan Negeri menjangkakan 85 peratus keluasan negeri akan menjadi kawasan bandar menjelang 2020. Selaras dengan cabaran urbanisasi, secara keseluruhannya pentadbiran Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mensasarkan 35,000 unit tersedia menjelang 2017.

“Sebanyak 47 projek Rumah Selangorku telah diluluskan,

dengan anggaran 18,732 unit rumah mampu milik akan dibina selepas penetapan jumlah unit dimuktamadkan,” maklum Exco Perumahan Iskandar Abdul Samad kepada Dewan Negeri Selangor.

Rumah Selangorku dijual antara RM42,000 hingga RM250,000 seunit di atas tanah berkeluasan 700 hingga 1,000 kaki persegi, berbanding RM100,000 hingga RM400,000 (670 hingga 1,300 kaki persegi) yang ditawarkan program Rumah PR1MA.

Sehingga kini, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menerima 7,335 permohonan untuk Rumah Selangorku.

## Siapkan Jambatan Ketiga Klang mengikut jadual

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah turut melahirkan kegembiraannya berhubung pembinaan Jambatan Ketiga di Klang yang sudah bermula dan berharap ia dapat disiapkan mengikut jadual.

“Beta diberi maklum, sebanyak RM100 juta dari rizab negeri sudah diperuntukkan dalam Belanjawan 2014 untuk membiayai kos permulaan bagi pembinaan jambatan tersebut.

“Kesemua kos ini adalah menggunakan wang kerajaan negeri Selangor. Beta ucapkan terima kasih kepada memanda



Datuk Menteri Besar,” titah Baginda.

Jambatan ini direka khas dengan mempunyai enam

lorong yang merentas Sungai Klang sepanjang 500 meter dan melibatkan kos sebanyak RM300 juta.

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafiih Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com



# Proaktif selesai projek terbengkalai

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mengambil sikap proaktif dengan menggunakan kuasa di bawah Kanun Tanah Negara 1965 untuk mengambil tanah projek terbengkalai supaya dapat dibangunkan semula mengikut perancangan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata tindakan itu nyata membuahkan hasil apabila dua projek perumahan mega yang sekian lama terbengkalai dapat diselesaikan di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) iaitu di Alam Perdana, Ijok dan Bukit Botak.

Beliau berkata Kerajaan Negeri akan terus berusaha memperjuangkan hak rakyat Selangor bagi mengelakkan pembeli teraniaya dan tertipu kerana projek perumahan yang gagal disiapkan.

“Saya hendak mengingatkan ahli dewan bahawa adalah satu kesalahan jenayah bagi pemaju perumahan yang tidak menyiapkan projek mereka.

“Oleh itu, ahli dewan perlu mengkaji undang-undang supaya masalah projek terbengkalai yang mengakibatkan begitu ramai pembeli tertipu dan rugi ratusan juta kerana projek yang tidak disiapkan.

“Saya antara Menteri Besar yang dibawa ke Mahkamah Persekutuan kerana mengambil tanah untuk rakyat Selangor. Saya akan perjuangkan hak rakyat,” katanya ketika menjawab pertanyaan mulut daripada Dr Abdul Rani Osman (PAS-Meru).

Pada masa sama, Abdul Khalid turut memaklumkan sebuah Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai mem-



babitkan semua pihak berkepentingan turut ditubuhkan untuk memantau perkembangan projek yang gagal diselesaikan sehingga kini.

Beliau berkata, jawatankuasa berkenaan dianggotai Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) dan dipengerusikan Exco Perumahan, Iskandar Abdul Samad.

“Ia turut dianggotai penasihat undang-undang Jabatan Kerja Raya (JKR), wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)



dan wakil Jabatan Insolvency untuk memberi nasihat serta pandangan berhubung penyelesaian kepada masalah perumahan terbengkalai ini,” katanya.

## Tiada cadangan jual saham KESAS

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) tidak bercadang untuk menjual pegangan saham di dalam

“

**Dari segi undang-undang kawasan tersebut di bawah jagaan Pejabat Tanah manakala pentadbiran di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

**KHALID IBRAHIM**  
Menteri Besar

konsesi Lebuhraya Shah Alam (Kesas) meskipun terdapat tawaran pembelian saham daripada beberapa syarikat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, ahli lembaga pengarah PKNS tidak bercadang untuk menjual pegangan sebanyak 30 peratus dalam syarikat konsesi itu.

Kenyataan ini dibuat pada sesi soal jawab Dewan Negeri Selangor (DNS) bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafie.

Shuhaimi dalam soalnya turut membangkitkan permasalahan paip di bawah jambatan susur keluar Jalan Kebun di lebuhraya Kesas yang mengakibatkan takungan air yang serius.

Katanya, kejadian ini telah berlarutan

hampir tujuh tahun dan pernah dibawa dalam mesyuarat tindakan daerah setiap tahun namun masih belum ada apa-apa tindakan.

Abdul Khalid berkata Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta Pejabat Tanah dan Daerah akan dijemput untuk menyelesaikan perkara tersebut.

“Dari segi undang-undang kawasan tersebut di bawah jagaan Pejabat Tanah manakala pentadbiran di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

“Jika masalah ini benar-benar tidak diselesaikan kita boleh menutup jalan berkenaan sekiranya membahayakan pengguna. Tapi kita tidak mahu sampai tahap berkenaan,” kata beliau lagi.

## ‘Task Force’ selesai isu tanah Bagan Nakhoda Omar

**SHAH ALAM** - Adun Sekinchan, Ng Suee Lim meminta Kerajaan Negeri menubuhkan ‘task force’ bagi menyelesaikan isu tanah penduduk di Bagan Nakhoda Omar.

Suee Lim dalam perbincangan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) berkata, isu terbabit sudah dibangkitkan sejak lima tahun lalu.

Namun, sehingga kini, penduduk yang juga nelayan di kawasan itu tidak diberikan jawapan berhubung status tanah yang sudah diduduki lebih 50 tahun lalu.

“Status tanah rizab yang kini diduduki nelayan kaum Cina sudah diberitahu bahawa Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid maklum berhubung perkara itu.

“Tetapi, perkara ini masih belum diberi perhatian sewajarnya. Sehubungan itu, kita mahu satu pasukan tindakan khas untuk menyelesaikan masalah ini supaya penyelesaian konkrit diselesaikan,” katanya.

Beliau berkata, penduduk di kawasan itu layak untuk diberikan kawasan penempatan yang baru jika mereka tidak dibenarkan untuk tinggal di kawasan terbabit.

“Jika perkara itu tidak boleh diselesaikan, maka penduduk perlu dimaklumkan, tetapi kita harap dimaklumkan secepat mungkin jika masih dalam tindakan juga,” katanya.

Sebelum ini, Abdul Khalid memaklumkan 3,252 ekar tanah rizab Melayu yang dirampas dan dijual oleh Umno-BN sejak mentadbir negeri itu berpuluh tahun dahulu masih belum diganti.

“Kita tetap berusaha untuk mencari tanah bagi menggantikannya, tetapi biar ia sepadan. Maknanya jika tanah itu di bandar, ia mesti diganti juga dengan kawasan yang sama,” katanya.

Abdul Khalid memaklumkan Kerajaan Negeri masih mencari tanah yang sesuai untuk digantikan.

“Apapun, kita mahu gantikan tanah terbabit biar sesuai. Kita mengikut dasar dan kaedah yang ditetapkan serta tidak mahu lepaskan begitu sahaja, yang mana kemudian baru mahu mencari tanah ganti,” katanya.



# Rancang bina hospital di Kapar, tampung lebih ramai pesakit

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan memohon Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membina hospital di Kapar, Klang untuk menampung bilangan pesakit yang semakin bertambah di Selangor.

Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi, berkata sehingga kini Selangor memiliki 11 hospital dan empat daripadanya adalah hospital pakar dengan bilangan 4,463 buah katil.

Katanya, buat masa ini bi-

langan kakitangan dan katil sedia ada mencukupi untuk memberi rawatan kepada seluruh rakyat Selangor, namun Kerajaan Negeri sentiasa mencari ruang bagi penambahbaikan dari semasa ke semasa.

“Kerajaan Negeri akan menambah bilangan katil daripada 4,463 katil kepada 4,822 katil di empat buah hospital pakar iaitu Hospital Selayang, Serdang, Ampang dan Sungai Buloh.

“Manakala bilangan kakita-

ngan hospital setakat ini adalah seramai 15,780 orang, pegawai perubatan (1,830 orang) dan pakar perubatan 621 orang.

“Bagi Hospital Tengku Ampuan Rahimah, KKM akan membuat penambahan 300 buah katil lagi, manakala Hospital Shah Alam yang akan siap pada September ini yang akan memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Lembah Klang beroperasi dengan 300 buah katil,” katanya menjawab pertanyaan Loh

Chee Heng (DAP-Telok Datok) dan Gan Pei Nei (PKR-Rawang).

Daroyah turut memaklumkan Jabatan Kesihatan Negeri mempunyai bekalan perubatan asas mencukupi untuk merawat sepuluh jenis penyakit kronik yang dikesan tinggi di Selangor.

Penyakit berkenaan adalah sakit paru-paru (9.96 peratus kes), jangkitan kuman (9 peratus kes), kardiovaskular atau serangan jantung (7 peratus kes), usus (5 peratus kes), buah

pinggang (4.7 peratus kes), ketumbuhan dan barah (4 peratus kes), kecacatan sejak lahir (3.9 peratus kes), diabetes (3.31 peratus kes), lemah tahap kesihatan (2.9 peratus kes) dan penyakit darah (2.8 peratus kes).

“Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan rakyat Selangor dalam menjaga kesihatan mereka dan kita sudah melancar kempen gaya hidup sihat, yang mana kita mengajak rakyat untuk menjaga kesihatan.

## Wujudkan lebih banyak peluang pekerjaan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri melipatgandakan usaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan terutama bagi golongan muda, wanita dan ibu tunggal.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, berkata bagi golongan wanita dan ibu tunggal, kerajaan negeri melalui jawatankuasa tetap wanita sudah melaksanakan beberapa program antaranya Program Mikrokredit Selangor (Skimisel) dan Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR).

Katanya beberapa perancangan lain turut diambil, antaranya menerusi kerjasama dengan Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC) melalui penganjuran program promosi dan pameran bertujuan menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara.

“Pada 2013, usaha ini berjaya mewujudkan 14,699 peluang pekerjaan di negeri Selangor, di mana ia meningkat berbanding tahun 2012.

“Selain itu, objektif utama negeri Selangor adalah memastikan setiap keluarga berpendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sama ada bekerja dengan majikan atau kita wujudkan kemahiran untuk bekerja sendiri khususnya bagi wanita dan ibu tunggal yang susah mening-



galkan anak mereka kepada penjaga,” katanya menjawab pertanyaan Tiew Way Keng (DAP-Teratai) berhubung peluang pekerjaan untuk rakyat Selangor.

Dalam pada itu, program Jom Kerja berbentuk karnival yang dimulakan sejak tahun 2009 turut mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan 7,933 permohonan sehingga kini.

Halimah berkata program itu turut memberi khidmat nasihat kepada golongan muda untuk mencari pekerjaan sesuai berdasarkan kelayakan yang dimiliki.

“Kita juga menganjurkan program kerjaya khusus untuk belia dan ibu tunggal dengan mendedahkan peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat bantuan kewangan.

“Ia seperti khusus asas usahawanan, pemasaran, pengurusan kewangan dan perniagaan yang telah dibawa melalui agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES),” katanya lagi.

## Tambah alat kesan kualiti udara automatik



**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mahu menambah bilangan alat pengesan kualiti udara automatik bagi mengesan kualiti udara terutamanya jerebu.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata alat pengesan itu akan dipasang di lokasi strategik antaranya di kawasan industri, komersial dan perumahan.

Katanya, setakat ini, Selangor hanya mempunyai lima alat pengesan di Banting, Shah Alam, Kuala Selangor dan Pelabuhan Klang.

“Kerajaan Negeri dalam perbincangan dengan Kerajaan Pusat untuk menambah bilangan alat ini yang akan diselia di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri.

“JAS juga akan memantau sebarang status kualiti udara kepada awam melalui laman web mereka,” katanya menjawab soalan dari Gan Pei Nei (PKR-Rawang).

Bagaimanapun, Elizabeth berkata jumlah bilangan alat dan bila ia akan dipasang masih dalam perbincangan.

Elizabeth berkata masalah

jerebu yang sering melanda baru-baru ini adalah berpunca daripada pelbagai faktor termasuk pembakaran terbuka diluar kawalan terutamanya di Riau dan di seluruh Asia Tenggara.

Untuk rekod, setakat ini, JAS sudah menerima aduan mengenai pembakaran terbuka.

Selain itu, Kerajaan Negeri ketika ini sedang membuat beberapa rancangan sebagai persediaan dalam menghadapi fenomena El Nino yang dijangka berlaku April atau Mei depan.



OLEH NAEEM RAFFI

**BESTARI JAYA** - Kepakaran Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) mengepam air di kawasan perlombongan dimanfaatkan sepenuhnya bagi membantu meningkatkan kapasiti air di muka sauk Sungai Sela-ngor yang terjejas akibat kemarau sejak Februari lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif KSSB, Datuk Dr Azimuddin Bahari, berkata sekurang-kurangnya 100 juta liter sehari (JLH) berjaya disalurkan ke Sungai Selangor menerusi aktiviti mengepam air di bekas lombong pasir di Sungai Darah.

“Dengan kepakaran yang KSSB miliki, Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancangan

# Kepakaran KSSB bantu tingkat kapasiti air

Ekonomi (UPEN) memberi kepercayaan kepada kami untuk memastikan air di bekas lombong itu disalurkan masuk ke Sungai Selangor.

“Ia bagi menampung keperluan air di Sungai Selangor yang semakin berkurangan,” jelasnya kepada Selangor Kini ketika melawat aktiviti mengepam air di Bekas Lombong Pasir Sungai Darah di sini baru-baru ini.

Sekurang-kurangnya bekas lombong Sungai Darah mem-

punyai enam kolam di atas sebidang tanah seluas 300 ekar.

Ia merupakan bekas lombong bijih timah dan juga pasir satu ketika dahulu.

Berdasarkan kajian, KSSB mendapati kesemua kolam tersebut berpotensi besar membantu membekalkan air ke Sungai Selangor, sekaligus membantu meningkatkan paras air di Sungai Selangor.

“Kita mulakan dengan kolam nombor lima kerana ia

terletak bersebelahan dengan Sungai Selangor. Jadi, kita pam air masuk terus ke Sungai sebanyak 50 JLH.

“Setelah kolam nombor lima ini surut dua meter, kita buka kolam-kolam lain. Bagi menjimatkan kos operasi, kita hubungkan kesemua kolam yang ada dengan mengorek laluan air.

“Kita salurkan air dari kolam ke kolam yang lain menggunakan aliran graviti untuk ke kolam nombor lima sebelum di pam masuk ke sungai,” katanya.

Azimuddin memberi jaminan bahawa bekalan air dari kolam tersebut berpanjangan dan sukar untuk susut ekoran terdapat sumber air bawah tanah di kolam nombor satu.

“Menariknya, kolam nombor satu ini adalah kolam yang paling dalam, sedalam 60 hingga 80 kaki. Ia seperti tasik di bawah tanah.

“Setakat ini kita menggunakan dua pam di kolam lima dan enam dan hasil sambutan semua kolam ini, KSSB berjaya membekalkan 100 JLH ke Sungai Selangor setiap hari.

Selangor Kini difahamkan, sejak beroperasi KSSB mem-



“**Dengan kepakaran yang KSSB miliki, Kerajaan Negeri menerusi UPEN memberi kepercayaan kepada kami untuk memastikan air di bekas lombong itu disalurkan masuk ke Sungai Selangor**”

**AZIMUDDIN BAHARI**  
Ketua Pegawai Eksekutif KSSB

belanjakan RM500 ribu yang mana kos bahan api diesel bagi menghidupkan pam selama 10 jam setiap hari menelan belanja sekitar RM4,000.



Azimuddin dan beberapa kakitangan KSSB menunjukkan sumber air dari salah satu kolam yang terdapat di bekas lombong Sungai Darah

## Pendapatan pasir tampung bina HORAS

**BESTARI JAYA** - Kurang sebulan beroperasi, Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) berjaya menjana pendapatan hasil pasir bernilai lebih RM40 ribu daripada kerja mengorek kolam takungan di Tapak Projek Hybrid off River Augmentation System (HORAS).

Ketua Pegawai Eksekutif KSSB, Datuk Dr Azimuddin Bahari menganggarkan pengeluaran pasir di tapak projek seluas 235 hektar itu mampu mencecah 200 ribu tan sebulan dan jumlah itu akan ditingkatkan sehingga 500 ribu tan sebulan.

“KSSB mula tugas sejak hari perasmian pada 15 Mac lalu. Hasil kerja keras, KSSB berjaya menjual hasil pasir

yang pertama sejumlah lebih 20,000 tan pada 28 Mac lalu.

“Sekurang-kurangnya 80 buah lori dengan muatan 20 tan setiap satunya mengangkut hasil pasir setiap hari di sini,” jelasnya kepada Selangor Kini ketika melawat tapak projek Horas di Kampung Sungai Darah, baru-baru ini.

Horas menggabungkan konsep *Off River Storage (ORS)* dan *Horizontal Collector Well*, serta sistem penakungan stormwater dari Sungai Selangor (lebih air daripada penggunaan loji-loji sedia ada dan air hujan) dan air bawah tanah.

Ia berperanan besar dalam mengurangkan kebergantungan melampau kepada satu sumber air mentah sekaligus

meningkatkan bekalan air kepada lebih RM7 juta pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Azimuddin berkata, KSSB komited melaksanakan kerja mengorek kolam takungan Fasa 1 itu dan yakin ia dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.



“KSSB dilantik Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) sebagai kontraktor bertanggungjawab mengorek kolam takungan seluas 166 hektar dengan kedalaman kolam 23.5 meter dari paras bumi.

“KSSB berjanji melaksanakannya mengikut spesifikasi

dan siap dalam tempoh setahun seperti yang ditetapkan Kerajaan Negeri,” katanya.

Kos kasar pembinaan HORAS ini termasuk kerja mengorek kolam dianggarkan sebanyak RM405 juta.

Namun kos ini akan ditanggung secara kontra dengan nilai pasir yang dikeluarkan oleh KSSB yang dianggarkan sebanyak RM100 juta.

Horas merupakan satu daripada tiga tugas utama yang perlu dilaksanakan Kerajaan Negeri sementara menanti siapnya Loji Rawatan Air Langkat 2 dan Sistem Agihannya (LRAL2).

Projek pertama HORAS dijangka siap sepenuhnya menjelang Julai 2015.





▲ Majlis meraikan keluarga besar Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) anjuran bersama Harakah yang diadakan di Dewan Megawati, kediaman rasmi Menteri Besar Selangor. Kelihatan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, bergambar kenangan bersama sebahagian besar keluarga bekas tahanan, AJK GMI serta peguam



▲ Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz, bersama Penghulu Mukim Ampang 2, Rashid Saman, melawat penerima mesin jahit Program Blueprint Selangor peringkat DUN Lembah Jaya



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha, bersama Chef yang mengambil bahagian dalam Kempen Hidup Sihat, anjuran Pusat Khidmat Bergerak Adun Taman Medan, di Padang Jalan 224, Seksyen 514, Petaling Jaya



▲ Adun Meru, Dr Rani Osman, bersama penduduk dan kanak-kanak selepas melancarkan Kelab Basikal Persatuan Penduduk Lotus dan Violet di Bandar Bukit Rajah





**Sallehen Mukhyi**  
Adun Sabak

## Tawas serah sumbangan Tabung Khairat Kematian

**ADUN** Sabak, Sallehen Mukhyi, melancarkan masa menyampaikan sumbangan Tabung Khairat Kematian Tawas (Tabung Insurans Yawas) kepada Megat Azmi Ibrahim, atas kematian anak beliau yang berusia empat bulan.

"Kami bersimpati atas kematian anak beliau. Walaupun nilai bantuan tidak banyak, namun diharapkan ia dapat membantu meringankan beban," katanya.

Hadir sama di kediaman Megat Azmi di Taman Intan Jaya, Sabak Bernam, Penasihat Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) Datuk Dr Anuar Md Zin.

Skim manfaat itu membolehkan ibu bapa peserta Tawas yang meninggal dunia sebelum mencapai umur 18 tahun layak menerima sumbangan RM1,500 dan sehingga kini seramai 129,270 yang berdaftar.



## Redang satu lagi destinasi pelancongan Selangor

**PANTAI REDANG** merupakan kawasan tarikan pelancongan terkenal di daerah Sekinchan, malah kemudahan dan kebersihan tandas awam di situ perlu dipertingkatkan.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, berkata Kerajaan Negeri memberi peruntukan sejumlah RM100 ribu untuk membina semula tandas awam di Pantai Redang.

Katanya, kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan dan dijangka akan siap dalam tempoh tiga bulan.

"Tandas awam yang buruk dan kotor akan menjejaskan sektor pelancongan dan imej negara, perlu dinaik taraf lebih bersih supaya memuassakan hati setiap pelancong."



**Ng Suee Lim**  
Adun Sekinchan

### Meninjau kerja pembinaan tandas awam

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, papan iklan besar akan dipasang di Pantai Redang untuk mencantikkan persekitaran pantai tersebut.

## Tabung Semarak Rahmat jaga kebajikan penduduk Bangi

**IMPIAN** untuk melahirkan warga masyarakat yang penyayang dan mengambil berat antara satu sama lain mendorong Adun Bangi, Shafie Ngah, mewujudkan tabung khas Semarak Rahmat Untuk Semua.

Katanya, masyarakat mempunyai saluran alternatif bagi pembiayaan kebajikan mereka apabila dilanda musibah dengan wujudnya tabung berkenaan.

**Shafie Ngah**  
Adun Bangi

"Antaranya, kita akan beri bantuan sewajarnya jika terjadi sesuatu musibah seperti kemalangan, kematian atau sakit tenat. Begitu juga musibah lain seperti banjir dan kebakaran," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis pelancaran tabung berkenaan yang disempurnakan Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub di Bukit Meawah, di sini.



## Rai anggota Balai Polis Gombak

**PUSAT** Khidmat Masyarakat DUN Gombak Setia menganjurkan majlis keraian Hari Polis Ke-207 bagi menghargai jasa dan pengorbanan polis yang diadakan di Balai Polis Gombak, baru-baru ini.

Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan, berkata majlis makan malam itu dianjurkan sebagai sokongan kepada polis atas jasa dan pengorbanan mereka dalam menjaga keamanan serta keselamatan.

"Ia bersesuaian dengan tema iaitu 'Komuniti Sejahtera Komitmen Kami',"

katanya.

Pada majlis itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner (ACP) Ali Ahmad, yang baru ditugaskan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak turut mengucapkan terima kasih atas majlis makan malam yang diadakan.

"Pihak polis berharap dengan sokongan Adun dan Ketua Kampung dalam membanteras jenayah dapat mengurangkan kes berkenaan di DUN Gombak Setia," katanya.



**Hasbullah Ridzwan**  
Adun Gombak Setia





## Setinggalan Seri Temenggung setuju tandatangan akujanji

**BATU CAVES** - Seramai 29 keluarga setinggalan Kampung Seri Temenggung, di sini, akhirnya bersetuju untuk menandatangani akujanji pemindahan kediaman yang ditawarkan Kerajaan Negeri.

Mereka adalah antara 230 keluarga yang sebelum ini ditawarkan berpindah ke Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Selayang Mulia, pada 2008.

Namun, hanya 201 keluarga sahaja setuju berpindah dan menerima tawaran pembelian rumah berkenaan dengan harga RM35,000.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan serta Peneroka Bandar, Iskandar Samad, berkata kerja pembinaan Rumah Selangorku oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di tapak kampung terbabit akan dapat dijalankan segera dengan penyelesaian itu.

Katanya, Kerajaan Negeri prihatin dengan masalah rakyat terutama pemindahan itu berlarutan sejak 2006 apabila penduduk

berkenaan tidak bersetuju dengan tawaran pentadbiran sebelum ini.

"Inisiatif ini adalah usaha disemua pihak dan saya ingin menasihati penduduk supaya tidak bertindak menjual rumah yang bakal siap tidak lama lagi kerana nilai pasarannya yang terus meningkat.

"Kita berjaya hasilkan satu penyelesaian yang lebih baik dan kreatif berbanding kerajaan terdahulu," katanya selepas majlis menandatangani akujanji berkenaan, di sini.

Hadir sama, Pemangku Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah; Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan, Adun Batu Caves, Amiruddin Shaari dan Adun Bangi, Shafie Ngah.

Projek Pangsapuri 418 unit 12 tingkat itu dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik air dengan keluasan 850 kaki persegi serta kemas lantai jubin seramik dan akan didirikan di tapak yang berkeluasan 4.34 hektar termasuk 42 unit kedai juga pejabat.



**Iskandar menyampaikan surat akujanji kepada penduduk**

# Impian untuk miliki rumah sendiri akhirnya tercapai



**Ganabatrirau, berbual dengan salah seorang penerima surat tawaran Bantuan Blueprint**

OLEH AFIX REDZUAN

**KUALA LANGAT** - Selepas menanti selama lima tahun akhirnya impian Ramli Mohd Jaafar, 50, untuk memiliki rumah sendiri tercapai, apabila dipilih sebagai penerima Bantuan Kerajaan Prihatin Negeri Selangor.

Bapa kepada lima anak ini nyata gembira, memandangkan beliau dan keluarga sebelum ini menumpang di rumah saudara di Kampung Permatang Pasir, Banting.

"Alhamdulillah... gembira dan bersyukur dapat bantuan rumah baru. Sebelum ini menumpang di rumah saudara. Ini pertama kali memohon dan dapat.

"Saya ucap terima kasih pada Kerajaan Negeri," katanya yang bekerja sebagai penjual kuih.

Bagi buruh kilang, Ibrahim Omar, 52, harga rumah yang tinggi mengakibatkan beliau tidak mampu membeli rumah yang dijual di pasaran.

Dengan pendapatan RM1,600 sebulan, beliau sebelum ini menyewa RM250 sebulan bersama isteri dan lima orang anak.

"Saya bersyukur kerana (Exco) Kerajaan Prihatin dapat membantu," katanya yang tinggal di Batu 40 Kampung Olak Lempit.

Penerima bantuan baik pulih rumah, Latame @ Letchume a/p Sinnaian, 49, juga gembira, memandangkan beliau terpaksa menjaga ibunya yang tidak sihat.



**Ibrahim Omar**

“

**Alhamdulillah... gembira dan bersyukur dapat bantuan rumah baru. Sebelum ini menumpang di rumah saudara. Ini pertama kali memohon dan dapat**

**RAMLI MOHD JAAFAR**  
Pemilik rumah

Kata ibu tunggal kepada seorang anak ini setiap bulan beliau hanya mendapat bantuan daripada Perkeso sebanyak RM800 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM200.

"Saya sekarang duduk rumah jaga emak dan emak mertua yang kini tidak sihat.

"Selepas suami meninggal saya tidak kerja. Saya dapat ban-



**Latame@Letchume**

tuan lain pun sedikit. Kadang-kadang saya hanya mengusahakan kebun sireh yang ada," katanya yang tinggal di Simpang Morib kepada Selangor Kini.

Majlis Penyerahan Kunci Rumah dan Penyerahan surat tawaran Bantuan Blueprint disampaikan, Exco Kerajaan Prihatin, Kemiskinan dan Pekerja Ladang, Ganabatrirau Veraman.



# Muazin johan Tilawah Al-Quran Selangor

OLEH NAZLI IBRAHIM

**PELABUHAN KLANG** - Muazzin Masjid Negeri Selangor, Mohd Fahmi Ashraf Razali diumumkan sebagai peserta terbaik Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1435H/2014M selepas menewaskan sembilan peserta lain.

Mohd Fahmi, 23, yang mewakili Kuala Selangor, berkata kemenangan yang diraihnya itu menjadikan beliau lebih bersemangat dan gigih untuk mempersiapkan diri dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan nanti.

"Syukur saya kepada Allah SWT kerana memberi keizinan untuk menyertai tilawah kali ini dan memberi saya kemenangan," katanya selepas diumumkan sebagai pemenang.

Bagi pemenang kategori qariah, Nor Faizah Panut, 25, pula menganggap kejayaan yang diraihnya buat kali keempat berturut-turut itu berpunca daripada berkat kesabaran dan latihan berterusan yang diamalkan.

"Alhamdulillah... ini kali keempat saya dapat ke peringkat kebangsaan dan insya-Allah kejayaan ini akan memantapkan lagi bacaan saya pada masa hadapan," katanya yang mewakili Daerah Klang.



**DYMM Sultan Salahuddin menyerahkan cenderahati kepada johan qariah, Nur Faizah Panut**

**Bawah: Peserta terbaik tilawah, Mohd Fahmi Ashraf**

Mohd Fahmi dan Nor Faizah masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, piala iringan, sepersalinan pakaian, hadiah mengerjakan umrah dan sijil penyertaan.

Pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor kali ini seramai 10 qari dan tujuh qariah memperdengarkan bacaan masing-masing yang berlangsung di Masjid Kampung Raja Uda, di sini, sejak 2 April lalu.

Pembukaan majlis yang dirasmikan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim itu ditutup dengan rasminya oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Selain itu, baginda Sultan turut berkenan menyampaikan hadiah kemenangan kepada pemenang.



**Taman SENTOSA**  
Sungai Pelek

Gaya Hidup Moden Lagi Eksklusif Dengan Rekabentuk Laman Unik

- Laman peribadi yang luas dan selesa
- Persekitaran selesa dan menawan
- Berhampiran dengan pelbagai kemudahan

**Belina**

RUMAH TERES 2 TINGKAT  
24' x 80'

PEGANGAN BEBAS  
Unit Terhad 30 Unit Sahaja!

3024 k.p.s + 303 k.p.s | 4 Bilik Tidur + 4 Bilik Air

---

**Alison**

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT  
40' x 80'

Pegangan Bebas  
Sesuai 12 Unit Sahaja!

Gaya Hidup Moden Lagi Eksklusif Dengan Rekabentuk Laman Unik

- Laman peribadi yang luas dan selesa
- Persekitaran selesa dan menawan
- Berhampiran dengan pelbagai kemudahan

**Taman SENTOSA**  
Sungai Pelek

3026 k.p.s + Balcony 402 k.p.s | 5+1 Bilik Tidur & 5 Bilik Air

06 799 7889

No Lesen Pemaju: 11259-4/10-2015/0769(L) • Tarikh Sah: 24/10/2013-23/10/2015 • No Permit Iklan: 11259-4/10-2015/0769(P)  
 • Tarikh Sah: 24/10/2013-23/10/2015 • Tarikh Dijangka Siap: September 2015 • Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: Tiada  
 • Jumlah Unit: 12 Unit Harga Min: RM45,000.00 Harga Mak: RM600,000.00 • No Rujukan Petan MP.SPG 600/34/8/02  
 • Pihak Berk kuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang

PT4712, Jalan TS 1/18, Taman Semarak, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.  
 Perhatian: Semua lukisan adalah gantungan perkhidmatan sahaja. Rukiah ini bukan dan tidak boleh dianggap sebagai tawaran atau penawaran dari pihak pemaju. Maklumat yang terdapat di dalam rukiah ini tertakluk kepada perubahan, pindaan seperti diisytiharkan oleh pihak berkuasa berkenaan dan (atau) akhir projek dan bukannya sebarang jaminan terhadap tawaran kontrak.



# MBPJ beri komitmen tangani keselamatan bersama penduduk

**K**eselamatan sesebuah bandar amat penting bukan sahaja untuk menjadikannya selamat untuk diduduki malahan juga untuk memastikan kelancaran pertumbuhan ekonomi serta kegiatan sosial masyarakat setempat terjamin. Dengan misi dan visi menjadikan Petaling Jaya sebagai bandaraya yang berdayahuni (Liveable) dan disayangi (Love able) maka program PJ Safe dilancarkan.

Datuk Bandar MBPJ, Yang Bhg Datin Paduka Alinah bt Ahmad berkata objektif utama pelaksanaan program ini adalah mendidik masyarakat menjadi lebih prihatin serta peka tentang isu-isu keselamatan. Justeru itu, kerjasama padu daripada komuniti bersama Majlis amat penting bagi membolehkan program-program keselamatan mudah untuk dilaksanakan. Seterusnya pembangunan lestari dan selamat boleh diwujudkan di kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

Alinah berkata, Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) merupakan salah satu program di bawah PJ Safe yang memberi penekanan aspek penduduk serta kawasan kejiranan. Bagi menjalankan program keselamatan di kawasan kejiranan sebanyak RM5,000.00 telah diperuntukkan kepada RA/RT yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

"Hasil dari kajian yang dilakukan, program ini mendapat sambutan yang luar biasa. Bukan sahaja peningkatan dari jumlah permohonan tetapi kesan dari pelaksanaan yang memberi impak yang cukup positif."

"Penglibatan agensi pelaksana dan penglibatan penduduk menunjukkan peningkatan yang konsisten telah menjadi indikator kejayaan program yang dilakukan. Kesinambungan itu, pihak Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM700,000 bagi meneruskan program pada tahun ini."

Selain itu, turut dijalankan adalah program Rondaan Keselamatan yang merupakan sebuah program keselamatan yang mendapat penglibatan dari anggota PDRM dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di kawasan yang berisiko tinggi di pentadbiran Petaling Jaya.

Keselamatan orang awam lebih terjamin dengan kehadiran anggota beruniform atau "omni present" yang membuat rondaan keselamatan di kawasan Petaling Jaya. Lantaran itu, pihak Majlis menambah bilangan anggota penguatkuasa untuk tahun ini berikutan respon yang positif dari orang



MBPJ dan PDRM berganding bahu laksana program keselamatan penduduk.

awam serta kesan pelaksanaannya yang amat memberangsangkan.

Menurut beliau lagi, MBPJ juga turut prihatin terhadap keselamatan wanita yang sentiasa terdedah dengan pelbagai jenayah. Justeru itu, pada 29 Mac 2014 yang lalu, MBPJ juga telah melancarkan Tempat Letak Kereta Khas Wanita di kawasan Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya. Kemudahan ini disediakan khusus untuk pemandu wanita yang memandu berseorangan ke kawasan ini samada bagi tujuan ke Menara MBPJ atau lot-lot kedai yang berhampiran.

Majlis memperuntukkan 2 tempat letak kereta khas untuk wanita

di hadapan premis Public Bank dan AmBank yang dilengkapi dengan pengawal keselamatan dan kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan pemantauan dan keselamatan. Pemilihan lokasi penyediaan tempat letak kereta khas ini adalah sangat strategik bagi wanita-wanita yang memandu berseorangan untuk berurusan dengan bank-bank tersebut.

Inisiatif ini diharapkan dapat memberi manfaat serta mencetuskan kerjasama yang lebih erat di antara MBPJ, komuniti dan pihak-pihak lain dalam melahirkan suasana persekitaran yang harmoni dan selamat untuk didiami di da-



Inisiatif baru MBPJ, Datin Paduka Alinah Ahmad (tiga dari kanan) menunjukkan tempat letak kereta khusus untuk wanita.

lam Bandaraya Petaling Jaya yang dicintai.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan terus memainkan peranan dalam memberi pendidikan, kesedaran dan penghayatan kepada semua rakyat melalui kerjasama

dengan pelbagai pihak termasuk pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) khususnya untuk memelihara keselamatan masyarakat Bandar Petaling Jaya selaras dengan pendekatan Local Agenda 21 dan Program Bandar Selamat.



# Sasar 100,000 kg untuk kitar semula

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mensasarkan sebanyak 100,000 kilogram barangan kitar semula dapat dikumpul dalam program Kitar Semula peringkat sekolah bagi kawasan pentadbirannya tahun ini.

Program kali kelapan itu turut dibuka pada peringkat pra-sekolah selain sekolah rendah dan menengah.

Inisiatif berterusan itu diadakan dengan kerjasama F&N Beverages Marketing Sdn Bhd, bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat, khususnya pelajar terhadap kepentingan amalan kitar semula.

Datuk Bandar MBSA, Datuk Jaafar Atan, berkata pihaknya juga menjangkakan lebih ramai penyertaan dari-

pada sekolah tahun ini ekoran hadiah yang ditawarkan keseluruhannya sebanyak RM17,250.

“Jumlah penyertaan daripada sekolah ini meningkat dari setahun ke setahun. Ia membuktikan bahawa segala usaha yang kita jayakan bersama menunjukkan impak yang membanggakan.

“Pada 2013, sebanyak 21 buah sekolah terdiri daripada 12 buah sekolah kebangsaan dan sembilan buah sekolah menengah mengambil bahagian.

“Oleh itu tahun ini, saya harap penyertaan ini dapat dipertingkatkan dan memabitkan semua peringkat.

“Tahun ini kita perkenalkan kategori peringkat tadika, ini merupakan usaha yang baik dan perlu dipupuk pada peringkat awal bagi menanam minat dan budaya kitar se-



Datuk Bandar Shah Alam melancarkan Program Kitar Semula MBSA dan F&N

mula,” katanya selepas majlis pelancaran program.

Hadir sama, Penasihat Hal Ehwal Korporat, F&N Beve-

rages Marketing Sdn Bhd, Datuk Kamal Harun dan Pengurus Persekitaran Tetra Pak Malaysia Sdn Bhd, Manjula

Murugesan.

Pertandingan itu terbuka kepada semua sekolah bawah pentadbiran MBSA.

## MPK roboh tapak bazar haram sekitar Lorong Kepayang

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) bertindak merobohkan tapak bazar di Lorong Batu Tiga off Persiaran Sultan Ibrahim di persekitaran Lorong Kepayang di sini, kerana beroperasi secara haram sejak beberapa tahun lalu.

Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata operasi terbabit diselenggarakan Jabatan Bangunan MPK dan turut disertai beberapa jabatan lain.

“Turut terbabit adalah Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Perkhidmatan Persekitaran (JPP) dan Jabatan Kejuruteraan bagi kerja pembersihan lokasi yang terletak berhampiran dengan stesen bas itu.

“Tindakan meroboh premis perniagaan memabitkan bazar menjual pakaian itu turut mendapat kerjasama baik daripada peniaga berkenaan,” katanya kepada Selangorkini.

Norfiza berkata, peniaga di bazar berkenaan bertindak mengeluarkan sendiri barangan mereka dan akur dengan



Perobohan bazar haram ini mendapat kerjasama peniaga

arahan majlis, selain turut membantu kerja pembersihan di situ.

Katanya, MPK memberi perhatian serius terhadap premis haram yang melang-

gar Seksyen 97 Akta Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan memantau serta mengenal pasti beberapa lagi lokasi yang bakal berhadapan tindakan sama.

## Naik taraf kemudahan OKU

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi menjadi peneraju dalam mempromosikan inisiatif bandar bebas halangan, kepada semua PBT lain di Selangor, khusus bagi memberi kemudahan kepada golongan kelainan upaya (OKU).

Datuk Bandarnya, Datin Paduka Alinah Ahmad berkata, MBPJ akan menaik taraf kemudahan OKU sedia ada mengikut keperluan maksimum selaras wawasan menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebuah Bandar Bebas Halangan menjelang tahun 2030.

Katanya, MBPJ juga sentiasa menyediakan pelan tindakan yang komprehensif baik dari segi pembangunan dan penambahbaikan fizikal, program atau aktiviti yang sesuai dengan keperluan dan kehendak golongan OKU.

“Antara lain, kita akan menaik taraf kemudahan OKU seperti penyediaan Tempat Letak Kereta OKU tidak ber-

bumbung sebanyak 13 unit, pemasangan ‘tactiles’ dan kerja-kerja mengecat lintasan pejalan kaki (zebra crossing).

“Semua kerja-kerja naik taraf ini akan dilakukan di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya iaitu projek perintis Bandar Bebas Halangan,” katanya dalam satu kenyataan media.

Projek Bandar Bebas Halangan (Barrier-Free) MBPJ dimulakan pada 2002 dan pada 2008, MBPJ melakukan pengubahsuaian dan penambahbaikan hasil daripada bengkel simulasi dan auditan aksesibiliti di bangunan-bangunan dan jalan-jalan utama sekitar Pusat Bandar Seksyen 52.

Pada masa sama, MBPJ menganjurkan seminar orang kurang upaya bagi memberi pendedahan kepada kakitangan profesional dan teknikal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai penubuhan jawatankuasa teknikal OKU di Selangor.



OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Seramai 1,115 murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT) seluruh Selangor dirai dalam Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2013.

Anugerah yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Bangunan SUK disampaikan Exco Kerajaan Prihatin, Pekerja Ladang dan Kemiskinan, V. Ganabatirau.

Ganabatirau berkata majlis yang bermakna itu bertujuan memberi dorongan kepada pelajar cemerlang untuk terus mengekalkan pencapaian dalam peperiksaan lain akan datang.

"Kerajaan Negeri sentiasa menanti dan menghargai kejayaan anak-anak Selangor.

"Kami juga ingin memastikan anak sekolah Tamil tidak ketinggalan dalam arus pendidikan yang mencabar ini," katanya.

Beliau berkata, sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada 2008, Kerajaan Negeri memberi bantuan konsisten, yang sewajarnya

# 1,115 pelajar cemerlang UPSR SJKT diraikan



Guru dan pelajar gembira dengan penghargaan yang diberikan Kerajaan Negeri

kepada SKJT.

"Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan tuntutan arus kehidupan zaman kini selaras konsep kerajaan berjil-

wa rakyat," katanya.

Ganabatirau yang mewakili Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid, menyifatkan keputusan cemerlang pelajar itu

menunjukkan sikap proaktif kaum India untuk berjaya dalam pendidikan.

"Saya harap pelajar cemerlang ini mendapat tunjuk ajar

dan bimbingan dalam proses pembelajaran seterusnya dan menjadi contoh terbaik kepada pelajar lain untuk terus berusaha dengan gigih," katanya.

"Kerajaan Negeri sentiasa proaktif merangka dan mencari penyelesaian pelajar-pelajar di negeri ini supaya dapat mencapai kemerlangan dalam pendidikan.

"Walaupun penyediaan pembelajaran dan pendidikan termasuk prasarana tanggungjawab Kerajaan Pusat, namun Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk pikul tanggungjawab itu.

"Setakat ini, kita peruntukkan RM6 juta untuk sekolah agama, sekolah Cina dan RM4 juta untuk sekolah Tamil, yang mana sebelum ini mereka tidak diberikan bantuan," katanya.

Hadir sama Ahli Parlimen Kapar, G. Manivanan.

## 2,589 pelajar asnaf terima bantuan LZS

**SHAH ALAM** - Seramai 2,589 pelajar asnaf fakir dan miskin yang menerima keputusan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) baru-baru ini, berpeluang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui bantuan pendidikan yang disediakan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Mereka boleh menyambung pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S), Institusi Latihan Kemahiran Awam/Swasta (ILKA/S), kolej matrikulasi dan pusat asasi di seluruh negara yang disenaraikan LZS serta diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Bantuan zakat ini termasuklah pembiayaan yuran pengajian, yuran penginapan, wang saku serta pendahuluan persediaan pendaftaran.

Ia adalah sebagai usaha LZS untuk melahirkan ge-

**Bantuan zakat ini termasuklah pembiayaan yuran pengajian, yuran penginapan, wang saku serta pendahuluan persediaan pendaftaran**

nerasi kedua asnaf sebagai generasi cemerlang yang mampu membawa keluarga keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sehingga kini, seramai 4,567 orang pelajar asnaf fakir dan miskin sedang menuntut di beberapa IPT di seluruh negara.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, hubungi Talian Zakat Selangor 1-800-88-5353 atau mana-mana 25 cawangan LZS di seluruh Selangor.

## Selangor peruntuk RM130,000 kepada SJKT Jugra

**BANTING** - Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah (jenis) Kebangsaan Tamil Jugra, Gobala Krishnan terharu apabila Kerajaan Selangor memperuntukkan RM130,000 bagi menaik taraf kemudahan sekolah itu.

Kata Gobala, sebanyak RM45,000 daripada peruntukan itu digunakan bagi membaik pulih padang, manakala RM85,000 lagi bagi pembelian 33 buah komputer dan peralatan lain.

"Saya ingin ucap terima kasih atas keprihatinan kerajaan Selangor terhadap sekolah Tamil di Selangor.

"Diharap Kerajaan Negeri meluluskan permohonan bagi menaik taraf kantin dan laluan pejalan kaki berbumbung sekolah ini," kata Gobala di Majlis Perasmian Bilik Komputer SRJK Tamil Jugra di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Guru Pen-



Dr Halimah melihat penggunaan komputer oleh pelajar

long Kanan SRJK Tamil Jugra, Prema Fai pula berkata, walaupun sekolah ini memiliki bilik komputer, tetapi kelas komputer tidak dapat dijalankan kerana tidak memiliki komputer.

"Hari ini pelajar SJK Tamil Jugra dapat belajar kelas komputer di bilik komputer yang serba canggih ini. Ribuan terima kasih kepada Kerajaan Ne-

geri," kata beliau.

Bilik komputer yang turut dilengkapi sistem audio, talian Internet dan peralatan canggih lain itu dirasmikan Exco Pendidikan Negeri Selangor, Dr Halimah Ali.

Turut hadir sama dalam majlis itu, Adun Morib, Hasnul Baharuddin dan Adun Seri Andalas, Dr Xavier Jayakumar.



Selangor sedia bangunkan sukan secara bersama

# Hampir setahun Khairy membisu

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus membisu tanpa sebarang maklum balas kepada usaha Kerajaan Selangor menjalinkan kerjasama dan membincangkan hala tuju pembangunan sukan di negeri itu.

Exco Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata pihaknya masih berharap biarpun telah menunggu hampir setahun untuk tujuan itu.

"Kita pegang kepada petikan ucapan Khairy Jamaluddin Abu Bakar semasa beliau mula dilantik menjadi Menteri Belia dan Sukan. Beliau menzahirkan hasrat untuk bersikap adil dan memberi kerjasama baik tanpa mengira latar belakang politik."

"Atas ucapan yang positif itu, saya selaku Exco Belia dan Sukan Selangor menghantar surat kepada KBS pertengahan tahun lalu. Malangnya, sehingga kini masih belum ada maklum balas dari KBS" katanya ketika ditemui Selangorkini di Dewan Annex baru-baru ini.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri pada Jun 2013 mengutuskan surat kepada KBS bagi mengadakan pertemuan membincangkan bentuk kerjasama dan beberapa agenda pembangunan sukan Selangor dan selanjutnya ke peringkat nasional.

Pertemuan tersebut juga diharapkan dapat mencairkan peruntukan pembangunan sukan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri yang menurut Yunus sengaja dibekukan hanya kerana perbezaan fahaman politik.

"Sekiranya kita mahu lihat belia dan sukan negara ini membangun hebat dan terus memberi impak positif kepada negara, saya berharap Khairy tidak berpaling dari kata-katanya sebelum ini.

"Saya cukup khuatir, sehingga ke saat ini masih tiada respon daripada KBS mahupun Khairy sendiri untuk bekerjasama dengan Selangor.

“

**Kita pegang kepada petikan ucapan Khairy Jamaluddin Abu Bakar semasa beliau mula dilantik menjadi Menteri Belia dan Sukan. Beliau menzahirkan hasrat untuk bersikap adil dan memberi kerjasama baik tanpa mengira latar belakang politik**

**DR AHMAD YUNUS**  
Exco Belia dan Sukan

"Seolah-olah politik itu menjadi tembok yang cukup besar yang menjadi penghalang antara Selangor dan KBS dalam pembangunan belia dan sukan," katanya.

Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM10.33 juta bagi pembinaan gelanggang futsal rakyat sejak 2008 hingga 2013.

Yunus berkata, 98 projek dibina melalui peruntukan infrastruktur sukan daripada jumlah perbelanjaan berkenaan.

Katanya, bagi baik pulih kemudahan sukan yang lain membabitkan peruntukan RM800,000 setahun.

"Walaupun peruntukan itu tidak besar untuk menaik taraf gelanggang atau kemudahan sukan yang lain, namun kita melaksanakannya mengikut keperluan.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga menaik taraf kemudahan yang rosak itu mengikut kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan daerah yang kurang berkemampuan," katanya yang menjawab soalan Amiruddin Shari (PKR-Batu Caves), di Sidang Dewan Negeri.

Yunus berkata, pihaknya masih mengumpul data semua gelanggang dan stadium untuk dinaik taraf jika perlu.

"Kita akan memberikan keutamaan kepada kemudahan yang kerap digunakan contohnya penggunaan stadium yang lebih besar," katanya.



WAKTU SOLAT SELANGOR							
11 - 18 APRIL 2014							
10 - 17 JAMADILAKHIR 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	5:43	5:53	7:10	1:17	4:25	7:22	8:31
12 Sabtu	5:42	5:52	7:09	1:17	4:26	7:22	8:31
13 Ahad	5:42	5:52	7:09	1:17	4:26	7:21	8:31
14 Isnin	5:41	5:51	7:08	1:16	4:26	7:21	8:31
15 Selasa	5:41	5:51	7:08	1:16	4:27	7:21	8:31
16 Rabu	5:41	5:51	7:08	1:16	4:27	7:21	8:31
17 Khamis	5:40	5:50	7:07	1:16	4:27	7:21	8:31
18 Jumaat	5:40	5:50	7:07	1:15	4:27	7:21	8:31

  

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	5:45	5:55	7:12	1:19	4:27	7:24	8:33
12 Sabtu	5:44	5:54	7:11	1:19	4:28	7:24	8:33
13 Ahad	5:44	5:54	7:11	1:19	4:28	7:23	8:33
14 Isnin	5:43	5:53	7:10	1:18	4:28	7:23	8:33
15 Selasa	5:43	5:53	7:10	1:18	4:29	7:23	8:33
16 Rabu	5:43	5:53	7:10	1:18	4:29	7:23	8:33
17 Khamis	5:42	5:52	7:09	1:18	4:29	7:23	8:33
18 Jumaat	5:42	5:52	7:09	1:17	4:29	7:23	8:33

## URBAN 360

LIVE. 360. STYLE D-SOFO

**80%** telah dijual!

50 unit terakhir percuma kontrak jualan

Harga yang berpatutan dari **RM278,000\***

Jangan ketinggalan!

**80%** pembinaan\*  
Dijangka siap pada **OGOS 2014**

Milliki studio yang terletak di lokasi yang strategik Taman Sri Gombak dengan hanya

# RM1000\*

\*Untuk bumiputera sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

**Tel : 03 6177 6110**

Ms See 017-636 6811 | Aceline 018-778 8570  
Nicholas 012-208 1135 | Jane 013-998 0009

**PEMAJU:**  
Radiant Symphony Sdn Bhd (645507-H)  
an f3 company  
65, Jalan SS 22/23, Damansara Jaya  
47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

**PEJABAT JUALAN DAN UNIT PAMERAN:**  
G-42, Jalan SG2, Taman Sri Gombak,  
68100 Batu Caves, Selangor.  
T : +03-6177 6110  
F : +03-6177 6112



Sila Imbas kod QR

**F3 CAPITAL**  
BREAKING NEW GROUND

Terma & syarat dikenakan. Semua ilustrasi adalah gambaran artis. Semua hak terpelihara.





OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim membidas kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Shamsuddin Lias (BN-Sungai Burong) yang menyalahkan Kerajaan Negeri tidak membenarkan projek Langat 2 dijalankan seraya menyebabkan catuan air berlaku.

Abdul Khalid berkata, masalah catuan air bukan berlaku disebabkan projek Langat 2 kerana ia tidak banyak membantu menyelesaikan masalah ekoran hanya mampu membekalkan air 1,000 juta liter sehari (MLD) sahaja.

"Saya ingin ingatkan Langat 2 itu projek besar tetapi tidak banyak yang kita dapat walaupun perbelanjaan perlaksanaannya tinggi. Kita lakukan keputusan ini bersama Exco, jadi tidak guna kita bergaduh kerana 1,000 MLD tidak akan menyelesaikan masalah rakyat Selangor.

"Kita cari jalan untuk selesaikan bersama, saya terima Langat 2 tetapi kamu mesti terima projek saya iaitu Hybrid Off River Augmentation System (HORAS). Tidak payah bergaduh kerana ia sudah selesai," katanya.

**Saya ingin ingatkan Langat 2 itu projek besar tetapi tidak banyak yang kita dapat walaupun perbelanjaan perlaksanaannya tinggi. Kita lakukan keputusan ini bersama Exco, jadi tidak guna kita bergaduh kerana 1,000 MLD tidak akan selesaikan masalah rakyat Selangor**

**KHALID IBRAHIM**  
Menteri Besar

## MB: Langat 2 bukan punca catuan air

Abdul Khalid berkata, projek HORAS lebih cepat disiapkan berbanding Langat 2 yang hanya mampu siap dalam tempoh tiga tahun.

"Namun, Kerajaan Pusat tidak mampu berikan jaminan dalam tiga tahun boleh siap kerana terowong itu sahaja memakan masa yang lama. Sebab itu kita laksanakan HORAS iaitu projek air tasik bawah tanah.

"Projek ini mengambil masa dua tahun setengah untuk dipersetujui semua pihak termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Malah untuk kajian sahaja ia menelan kos RM1.5 juta," katanya.

Abdul Khalid berkata, pertikaian catuan air tidak seharusnya timbul kerana ia dinilai dan diputuskan Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Khusrin Munawi.

"Setiap hari Khusrin mengadakan mesyuarat bersama Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan bekas pakar untuk menyelesaikan masalah ini. Kita mahu masalah pencemaran yang menyebabkan beberapa kawasan loji diselesaikan dan tidak mahu kawasan itu langsung tiada air.

"Itu sebab kita catu air. Ia bukan satu perkara yang kita tidak endahkan, semua ada rekod dan sanggup bina empangan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi," katanya.

Projek HORAS yang terletak di Bestari Jaya dijangka siap pada Julai 2015 dan mampu membekalkan air bersih 600 hingga 700 MLD bagi fasa pertama, manakala bagi fasa kedua dijangka membekalkan 5,000 MLD.



Menteri Besar dan pimpinan kerajaan Negeri ketika pelancaran HORAS baru-baru ini.

## MB: Kabinet setuju kuatkuasa Seksyen 114 WSIA 2006

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menguatkuasa Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air (WISA) 2006 yang akan mewajibkan konsesi air menyerahkan aset dan mengembalikan operasi air kepada Kerajaan Negeri.

Persetujuan Jemaah Menteri itu dinyatakan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, dalam surat rasmi bertarikh 4 April lalu kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Saya dalam mesyuarat ringkas bersama Menteri pada 4 April lalu telah diberitahu bahawa proses untukewartakan Seksyen 114 telah dilakukan.

"Saya dibekalkan satu deraf perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhubung Perjanjian Perse-

**Kami amat berharap rakyat terus bersabar dan berjimat cermat menggunakan air sementara menanti perkhidmatan air dipertingkatkan**

**KHALID IBRAHIM**  
Menteri Besar

fahaman (MoU) yang ditandatangani pada 26 Februari lalu bagi menyelesaikan penstrukturan semula air," kata Abdul Khalid dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Bagi memastikan kepentingan Selangor terpelihara, Menteri Besar berkata Kerajaan Negeri akan

meneliti deraf itu secara terperinci sebelum memeterainya.

"Kerajaan Negeri yakin bahawa kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan ini akan memastikan penstrukturan semula industri air berjaya.

"Kami amat berharap rakyat terus bersabar dan berjimat cermat menggunakan air sementara menanti perkhidmatan air dipertingkatkan," kata Abdul Khalid.

Kerajaan Persekutuan melalui surat itu juga memohon supaya Kerajaan Negeri mempercepat kelulusan yang masih tertangguh bagi projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2).

Kerajaan Negeri sebelum ini menegaskan pembinaan LRAL2 dan penstrukturan industri air negeri harus digerakkan serentak.